

**Pasukan Sukarelawan Akan Diwujudkan Dalam Program K1M – Rais  
Bernama  
13 Julai, 2012**

KUALA KLawANG, 13 Julai (Bernama) -- Pasukan sukarelawan akan diwujudkan dalam program Komuniti 1Malaysia (K1M) di seluruh negara bagi menanam semangat kecintaan terhadap negara dan masyarakat, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata sukarelawan terbabit akan dilatih agar berbudi-bahasa, mempunyai kewibawaan yang baik dan dalam struktur meneruskan perjuangan yang terkandung di bawah K1M bagi menjayakan gagasan 1Malaysia ke peringkat lebih tinggi.

"Dalam K1M, kita mempunyai masyarakat pelbagai latar belakang dan kita perlu mewujudkan kumpulan yang bersedia untuk menjadi sukarelawan. Ini bermakna sama ada menerusi Jabatan Penerangan atau Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), kita harus mewujudkan sekumpulan orang yang suka menolong, dan mereka ini akan didaftarkan sebagai sukarelawan K1M.

"Kita akan buka pendaftaran ini di seluruh negara, dan dengan itu, mereka yang mempunyai kecintaan terhadap negara dan masyarakat boleh mendaftar selepas 17 Julai ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis K1M di sini Jumaat.

Rais, yang juga anggota Parlimen Jelebu, berkata mereka yang terpilih sebagai sukarelawan akan melakukan beberapa program kemasyarakatan termasuk memperbaiki rumah, memberi bantuan kepada orang sakit dan memberi penerangan selain meneruskan tugas sukarelawan biasa di kampung.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680495>